

TERMA RUJUKAN JAWATANKUASA SEMAKAN KURIKULUM LATIHAN IAB

1.1 Definisi

Jawatan Kuasa Semakan Kurikulum Latihan (JKSKL) IAB ditubuhkan untuk memastikan Kurikulum Latihan IAB berkualiti dan relevan dengan perkembangan pendidikan.

1.2 Fungsi

1.2.1 Memastikan kurikulum latihan IAB menepati mandat organisasi sebagai pusat pembangunan kepemimpinan dan pengurusan pendidikan.

1.2.2 Memastikan semakan kurikulum latihan dilaksanakan secara berkala dan mengikut jadual yang ditetapkan.

1.2.3 Mencadangkan dan memperakukan kursus-kursus sama ada perlu dikekalkan, ditambahbaik atau digugurkan kepada Jawatan Kuasa Teknikal Latihan.

1.2.4 Memperbaharui Sijil Pendaftaran Kursus.

1.3 Keahlian

1.3.1 Pengerusi Jawatan Kuasa Semakan Kurikulum Latihan ini adalah Pengarah IAB.

1.3.2 Timbalan Pengerusi Jawatan Kuasa Semakan Kurikulum Latihan adalah Timbalan Pengarah Khidmat Latihan dan Pengarah Cawangan Utara.

1.3.3 Setiausaha Jawatan kuasa Semakan Kurikulum Latihan adalah Ketua Pusat Pembangunan Dasar dan Inovasi Organisasi.

Manakala Penolong Setiausaha adalah Ketua Jabatan Pengurusan Inovasi dan Standard Latihan.

1.3.4 Ahli Tetap Jawatankuasa terdiri daripada:

- a. Semua Ketua Pusat terdiri seramai 8 orang;
- b. 16 orang Specialist Trainer;
- c. Setiausaha Jawatan Kuasa Semakan Kurikulum (Ketua Jabatan Inovasi dan Standard Latihan);
- d. Penyelaras Program.

1.3.5 Ahli Jemputan akan dilantik oleh Pengerusi mengikut kepakaran dan keperluan.

1.3.6 Bilangan Ahli Jawatan Kuasa tidak melebihi 30 orang.

1.3.7 Urus setia Jawatan Kuasa Penilaian Kurikulum Latihan IAB adalah Jabatan Pengurusan Inovasi dan Standard Latihan

1.3.8 Ahli Jawatan Kuasa Semakan Kurikulum Latihan IAB seperti Lampiran 1 dilantik oleh pengarah untuk tempoh keahlian selama satu tahun

1.4 Pentadbiran Mesyuarat

1.4.1 Pengerusi Mesyuarat adalah Pengerusi Jawatan Kuasa Semakan Kurikulum Latihan dan/atau Timbalan-timbalan Pengerusi.

1.4.2 Korum mesyuarat ialah 60% ahli mesyuarat.

1.4.3 Semakan Kurikulum dibuat setiap 3 tahun sekali.

1.4.4 Kekekapan mesyuarat adalah minimum 2 (dua) kali bagi setiap siri semakan dan mengikut keperluan.

1.4.5 Minit setiap mesyuarat Jawatan Kuasa hendaklah disemak oleh Pengerusi atau Timbalan Pengerusi dan diserahkan kepada Ahli Jawatan Kuasa mesyuarat, Pengerusi Jawatan Kuasa Teknikal Latihan dan Pengerusi Lembaga Pengajian.

1.5 Bidang Tugas

1.5.1 Bidang Tugas Jawatankuasa

- Menyediakan senarai program Latihan yang akan disemak oleh PPKL
- Mencadangkan nama ahli Pasukan Penyemak Kurikulum Latihan (PPKL) IAB berdasarkan keperluan.
- Menetapkan tempoh/jangkamasa kepada PPKL untuk menyemak kandungan kurikulum kursus.
- Memantau pelaksanaan semakan kandungan kurikulum Latihan IAB oleh PPKL.
- Memaklumkan dan menerima perakuan daripada penggubal modul kursus. Jika terdapat percanggahan pendapat dalam laporan, penggubal boleh membuat rayuan kepada J/kuasa ini.
- Merumuskan laporan status kursus latihan (Lampiran D) yang disemak oleh PPKL.
- Memperakukan laporan status kursus untuk dibentangkan kepada Lembaga Pengajian.
- Menyerahkan keputusan mesyuarat kepada pendaftar untuk dimaklumkan kepada penggubal modul, Penyelaras Program, Jawatankuasa Teknikal Pembangunan Latihan dan Unit Kualiti untuk tindakan selanjutnya.

1.5.2 Bidang Tugas Pasukan Penyemak Kurikulum Latihan (PPKL)

- Menyemak dan menilai secara menyeluruh kesesuaian Rancangan Sesi Latihan dan Nota Sesi Latihan modul latihan bersama-sama penggubal modul atau kursus yang dipertanggungjawabkan.
- Memperakukan sama ada modul latihan yang disemak dikekalkan, ditambahbaik, diarkibkan atau digugurkan.

- Mencadangkan penambahbaikan kandungan modul latihan.
- Menyerahkan laporan penyemakan kepada Urus Setia JKSKL

1.6 Bidang Kuasa

1.6.1 Pengarah IAB mempunyai kuasa dan autoriti untuk meminda perkara-perkara yang dinyatakan dalam terma rujukan ini sekiranya terdapat percanggahan dengan dasar-dasar dan peraturan sedia ada, undang-undang serta Perlembagaan. Jawatan kuasa Penilaian Kurikulum Latihan IAB berperanan untuk mengusulkan sebarang pindaan yang dirasakan wajar.

1.6.2 Pengarah IAB mempunyai kuasa-kuasa khas untuk membuat keputusan dalam bidang-bidang yang berkaitan di atas tanpa perlu merujuk kepada ahli jika sesuatu perkara/kes bertaraf SEGERA/KRITIKAL untuk kepentingan kerajaan.